

1223/1
Pendidikan
Islam
Mei/Jun
Kertas 1
2016
2 jam



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PENILAIAN KENDALIAN BERASASKAN SEKOLAH 2 PERINGKAT PPD TUMPAT

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D serta soalan mengisipaltepi kosong. Jawab semua soalan pada kertas jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan: Soalan 1 dan Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Ceraikan jawapan Bahagian A dan ikatkan bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

BAHAGIAN A
(40 MARKAH)
Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Hitamkan jawapan yang tepat pada lampiran kertas jawapan yang disediakan.

1. Antara yang berikut yang manakah contoh perbuatan nifak?

- A** Menyembah berhala
- B** Mempercayai burung hantu
- C** Melampaui batas apabila bertengkar
- D** Mengistiharkan diri keluar dari agama Islam

En Ismail melakukan pinjaman di sebuah bank dan dikenakan bayaran tambahan sekiranya menangguh tempoh bayaran

2. Pernyataan di atas merujuk kepada _____

- A** Al-Ijarah
- B** Riba al-Fadlu
- C** Riba an-Nasiah
- D** Al-Mudharabah

En Yusof memakai tangkal untuk selamat dari sebarang gangguan.

3. Pernyataan di atas menerangkan tentang _____

- A** sihir
- B** syirik
- C** nifak
- D** khurafat

4. Antara yang berikut yang manakah padanan yang betul antara istilah dan pengertiannya?

	Istilah	Pengertian
I	Musyrik	Orang yang menyekutukan Allah pada zat, sifat dan af'alinYa
II	Munafik	Orang yang berpura-pura beriman kepada Allah SWT.
III	Murtad	Orang yang tidak percaya kepada Allah SWT
IV	Kafir	Orang yang keluar dari agama Islam

- A** I dan II
- B** II dan III
- C** III dan IV
- D** I dan V

[Lihat halaman sebelah

- Dipandang hina oleh bangsa dan agama
- Meruntuhkan institusi kekeluargaan

5. Pernyataan di atas merujuk kepada akibat _____

- A mencuri
- B merompak
- C minum arak
- D Melakukan liwat

- Murtad.
- Hilangkelayakan.
- Kematian

6 Apabila rakan kongsi terlibat dengan salah satu perkara di atas, sesebuah syarikat akan _____

- A rosak
- B batal
- C muflis
- D tamat kontrak

7 Hukum asal jual beli dalam Islam ialah

- A wajib
- B sunat
- C harus
- D makruh

- Bermula di Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah.
- Dilakukan sebanyak tujuh kali.
- Dengan perjalanan biasa.

8 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A syarat sah sai
- B syarat sah tawaf.
- C perkara sunat sai.
- D perkara sunat tawaf

9 Antara berikut yang manakah perkara sunat akikah ?

- A Menyembelih binatangan ‘am.
- B Menyembelih natang yang tidak cacat.
- C Menyembelih ketika matahari sedang naik.
- D Menyembelih binatang yang cukup umur.

10 Antara berikut manakah **bukan** syarat orang yang hendak mengambil upah haji?

- A Memenuhi syarat-syarat wajib haji
- B Telah mengerjakan haji untuk dirinya sendiri
- C Mengambil satu upah haji sahaja dalam satu musim
- D Mempunyai hubungan kekeluargaan dengan yang mengupahnya

i

Khairul berniat iham setelah tiba di Jeddah kerana tertidur semasa dalam penerbangan untuk menunaikan umrah.

11 Apakah hukum ibadat umrahnya?

- A Sah dan dikenakan dam
- B Batal dan dikenakan dam
- C Sah dan tidak dikenakan dam.
- D Batal dan tidak dikenakan dam.

- Dikenakan tindakan undang-undang
- Dipandang serong oleh masyarakat
- Disisihkan oleh keluarga

12 Pernyataan di atas merujuk kepada implikasi perkahwinan yang tidak mengikut syariat terhadap

- A diri
- B agama
- C keluarga
- D masyarakat

13 Allah mengharamkan perkahwinan saudara susuan sama seperti pengharaman disebabkan keturunan.

Syarat penyusuan yang menjadikan haram berkahwin sesama saudara susuan tersebut adalah.....susuan yang mengenyangkan.

- A dua kali
- B tiga kali
- C empat kali
- D lima kali

14 Berikut adalah hikmah ibadat haji terhadap individu **kecuali**

- A Meningkatkan keimanan
- B Menyatupadukan umat Islam.
- C Menghapuskan dosa-dosa kecil.
- D melahirkan kesyukuran dengan nikmat harta dan kesihatan.

- Berpegang dengan prinsip “guru mencari murid”.
- Sanggup dipukul kerana mempertahankan fatwanya.
- Tidak menerima pendapat gabenor Madinah yang bertentangan dengan fatwanya.

15 Pernyataan di atas merujuk kepada bukti ketegasan _____ .

- A Imam Malik rahimahullah
- B Imam al-Syafii rahimahullah
- C Imam Abu Hanifah rahimahullah
- D Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah

16 Antara sumbangan khalifah Umar al-Khattab radiallyahuhanhu ialah

- A memerangi orang yang enggan membayar zakat.
- B Membiayai aktiviti pengumpulan tulisan al-Quran.
- C Menubuhkan beberapa jabatan untuk melicinkan pentadbiran
- D Menyumbang harta dan kekayaan untuk mempertahankan negara.

17 Antara faktor kegemilangan kerajaan bani Umayyah ialah

- A Kebijaksanaan khalifah
- B Sokongan padu dari negara luar
- C Damsyik sebagai pusat pentadbiran
- D Kegiatan penterjemahan kitab-kitab Arab kedalam bahasa asing

Mengabaikan ajaran Islam dan lalai menjalankan tugas dan tanggungjawab

18 Pernyataan di atas merupakan faktor kejatuhan kerajaan bani Umayyah dari aspek

- A ulama
- B pemerintah
- C ketenteraan
- D masyarakat

19. Adab yang perlu diamalkan semasa bermusafir ialah

- A Mengucapkan selamat tinggal
- B Melantik ketua jika melebihi tiga orang
- C Memohon petunjuk daripada Allah SWT
- D Mengerjakan solat secara jamak dan qasar

- Mewakili Negara dalam pertandingan badminton
- Menjadi usahawan terkenal

20. Pernyataan di atas merujuk kepada adab bernegara dari aspek

- A Cinta kepada negara
- B Berbakti kepada negara
- C Menjaga nama baik negara
- D Memelihara keamanan negara

[Lihat halaman sebelah

Soalan 21 hingga Soalan 40*Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul*

- Cinta kepada Allah dan rasulNya lebih dari segalanya
- Mengasihi sesama manusia kerana Allah SWT.


- 21** Pernyataan di atas merujuk kepada ciri _____
- 22** Contoh Syirik khafi ialah riyak, takabur dan _____
- 23** Orang yang menderhaka kepada ibu bapa hendaklah segera _____ dengan memohon kemaafan dari keduanya dan memohon keampunan Allah SWT.
- 24** _____ ialah melakukan sesuatu untuk mendapatkan kepentingan diri sendiri atau memudharatkan orang lain.

Pilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan

korban	sembelihan	akikah	walimatulurus
--------	------------	--------	---------------


- 25** Sebagai tanda perhormatan manusia ke atas makhluk ciptaan Allah merupakan hikmah _____
- 26** Daging binatang sembelihan tidak wajib disedekahkan kepada fakir miskin tetapi sunat dimasak manis dan dibuat jamuan adalah merujuk kepada ibadat _____
- | | | | |
|------------|------------|------------|--------------|
| Wajib haji | Rukun haji | Sunat haji | Syarat wajib |
|------------|------------|------------|--------------|
- 27** Amalan yang wajib dilakukan oleh jemaah haji jika tertinggal salah satu daripadanya haji tidak sah dan wajib menunaikan haji sekali lagi ialah _____
- 28** Amalan yang wajib dilakukan oleh setiap jemaah haji jika tertinggal , hajinya masih sah tetapi dikenakan dam mengikut kadar yang ditetapkan ialah_____

Adab menjaga orang sakit dari aspek emosi




- 29** X dalam rajah di atas ialah _____.
- 30** Kota Baghdad sebagai pusat pemerintahan kerajaan bani Abbasiah diasaskan oleh khalfah _____
- 31** Kitab _____ merupakan karya termasyhur Imam al-Ghazali rahimahullah yang menjadi rujukan sehingga hari ini.
- 32** Golongan yang menentang pelantikan Sayidina Ali radiallahuanhu sebagai khalifah ialah _____

[Lihat halaman sebelah



- 33 **M** dalam Rajah di atas ialah senarai perempuan yang haram dikahwini selamanya dengan sebab _____



- 34 **P** dalam rajah di atas ialah _____

- 35 Kerjasama antara suami isteri akan mengukuhkan ikatan dan perasaan _____ yang menjadi matlamat perkahwinan.

- Pelopor kepada golongan sufi
- Mendukung mazhab Ahli Sunah Waljamaah
- Penasihat Agung perdana menteri Nizam al-Muluk.

- 36 Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh _____

- 37 Di antara akibat perbuatan sihir ialah ahli sihir menjadi _____ dan berani melakukan kezaliman.

wajib	sunat	makruh	haram	harus
-------	-------	--------	-------	-------

- 38 Hukum seseorang yang berkemampuan menunaikan nafkah zahir danbatin, sihat tubuh badan serta ditakuti terjerumus kepada zina jika tidak berkahwin adalah_____

- 39 Ali ingin berkahwin tetapi dia tidak berkemampuan untuk memberi nafkah kepada bakal isterinya. Hukum perkahwinannya adalah _____

- 40 Hukum membeli barang dengan bertujuan menyekat pembelian orang lain adalah_____

Bahagian B
[60markah]*Jawab tiga soalan*

Jawab **Soalan 1**, **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**

- 1** (a) Kufur terbahagi kepada dua bahagian iaitu kufur hakikat dan kufur nikmat.
- (i) Nyatakan **dua** contoh kufur hakikat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan faktor berlakunya perbuatan kufur hakikat di kalangan setengah umat Islam. [4 markah]
- (iii) Hadis Rasulullah SAW. yang bermaksud “ Kefakiran hampir membawa kepada kekufturan”
Berikan penjelasan anda berserta dengan hujah. [4 markah]
- (b) Iman ada hubungkait dengan amalan seseorang.
- (i) Nyatakan sebab al-Quran sering menggandingkan lafaz iman dengan amal soleh. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** ciri orang yang bertambah iman. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kebaikan orang yang memiliki iman yang sentiasa bertambah. [4 markah]
- 2** (a) Haji dan umrah ialah hrukun Islam ke lima yang wajib ditunaikan oleh umat Islam sekali seumur hidup.
- (i) Nyatakan maksud haji. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua dari maksud berkuasa dalam syarat wajib haji. [4 markah]
- (iii) Bagaimanakah ibadat haji mampu menjana ekonomi umat Islam . [4 markah]

Hadis Rasulullah SAW bermaksud :

“Wahai pemuda! Sesiapa di antaraku yang telah mampu berkahwin, maka bernikahlah. Kerana nikah itu dapat menundukkan pandangan dan memelihara kemaluan (dari melakukan zina). Sesiapa yang tidak mampu hendaklah dia berpuasa kerana puasa itu dapat membendung syahwat.”
(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

- (b) (i) Nyatakan **maksud** perkahwinan. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** langkah mengatasi perkahwinan yang tidak mengikut syariat. [4 markah]
- (iii) Bagaimanakah sesebuah perkahwinan itu dikatakan boleh mencegah berlakunya maksiat? [4 markah]

3 (a)

Rajah A

Pegawai kerajaan yang dilantik pada zaman khulafa al-Rasyidin dikehendaki mengisyiharkan harta.

- (i) Merujuk **Rajah A** di atas, bagaimanakah amalan dalam Rajah A dapat melicinkan pengurusan pentadbiran pada masa kini. [4 markah]
- (ii) Nyatakan prosedur pelantikan penjawat awam pada zaman khulafa al-Rasyidin selain pengisyiharan harta yang mempunyai persamaan dengan pelantikan penjawat awam pada masa kini. [2 markah]

Maklumat 1

Imam al-Ghazali rahimahullah digelar Hujjatul Islam kerana kecekapan, kemasyhuran dan kekuatannya membela agama Islam.

- (b) Merujuk maklumat di atas, ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya umat Islam hari ini tidak menitik beratkan sifat-sifat tersebut. [4 markah]

(c) (i) Nyatakan maksud negara. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** faedah menjaga adab bernegara. [4 markah]



Maklumat A

(iii) Berdasarkan Maklumat A, apakah fungsi logo tersebut. [4 markah]

4 (a)

DATA : A

Umat Islam pada zaman kerajaan bani Umayyah telah berjaya menaikkan martabat diri dan agama Islam di mata dunia.

DATA : B

Semasa zaman pemerintahan khalifah Umar bin Abdul Aziz, keadaan ekonomi dan sosial negara berada di tahap yang sangat kukuh sehingga tiada orang yang mau menerima zakat.

i. Berdasarkan Data A dan B, bagaimanakah pernyataan di atas mendorong anda untuk membina negara Malaysia yang gemilang. [4 markah]

ii. Jelaskan kesan positif kegemilangan kerajaan bani Umayyah terhadap masyarakat pada zaman tersebut. [2 markah]

Imam Malik rahimahullah dianggap sebagai tokoh terkemuka dalam ilmu hadis dan ilmu fikah yang sangat menghormati hadis-hadis Rasulullah SAW. Beliau menyatakan hadis-hadis adalah petunjuk dan penyuluhan kepada seluruh umat Islam.

(b) Berdasarkan pernyataan di atas, ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya umat Islam hari ini mengabaikan penghormatan terhadap hadis sebagaimana yang ditunjukkan oleh Imam Malik rahimahullah. [4 markah]

c. (i) Terangkan **dua** perkara yang dilarang ketika menziarahi jenazah.
[4 markah]

(ii) Rakan anda baru sahaja kematian ibunya.

Jelaskan tindakan yang perlu anda lakukan untuk menenangkan emosinya.
[2 markah]

(iii) Menziarahi jenazah adalah salah satu perkara yang digalakan dalam Islam.

Apakah kebaikan sekiranya kita menziarahi jenazah bukan Islam.
(4 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

ARAHAN: Hitamkan jawapan yang betul NAMA :

TING:

(Ikat bersama dengan kertas jawapan Bahagian B)

1	A	B	C	D
2	A	B	C	D
3	A	B	C	D
4	A	B	C	D
5	A	B	C	D
6	A	B	C	D
7	A	B	C	D
8	A	B	C	D
9	A	B	C	D
10	A	B	C	D
11	A	B	C	D
12	A	B	C	D
13	A	B	C	D
14	A	B	C	D
15	A	B	C	D
16	A	B	C	D
17	A	B	C	D
18	A	B	C	D
19	A	B	C	D
20	A	B	C	D

21	
22	
23	
24	
25	
26	
27	
28	
29	
30	
31	
32	
33	
34	
35	
36	
37	
38	
39	
40	

Bah. A	Markah Objektif		Markah ITK		Jumlah Bah. A	
Bah. B	Soalan 1					
	Soalan 2					
	Soalan 3					
	Soalan 4					
JUMLAH BESAR						

[Lihat halaman sebelah]

1223/1

SULIT